



# Lebih baik dari BR1M

Pensyarah ekonomi anggap bantuan tak bersifat tunai lebih penuh objektif

**KUALA LUMPUR** - Inisiatif Kasih Ibu Smart Selangor (Kiss) disifatkan lebih baik daripada bantuan rakyat 1Malaysia (BR1M) kerana tidak bersifat tunai, sekaligus menjadikan ia memenuhi objektif utama bagi meringankan beban golongan ibu.

Pensyarah Kanan Putra Business School, Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr Ahmed Razman Abdul Latiff berkata, usaha itu bertepatan dengan situasi kini yang menunjukkan perbelanjaan isi rumah yang kian meningkat.

Beliau berkata, merujuk kepada laporan statistik 2016 yang dikeluarkan oleh Jabatan Statistik Negara, purata perbelanjaan isi rumah pada tahun 2016 meningkat kepada RM4,033 daripada RM3,578 pada tahun 2014.

Selain itu katanya, purata perbelanjaan isi rumah di bandar juga

meningkat kepada RM4,402 pada 2016 daripada RM3,921 pada 2014.

"Jika kita merujuk perbelanjaan isi rumah di negeri Selangor pada tahun 2016, purata perbelanjaan isi rumah ialah RM5,183 pada tahun 2016, ketiga tertinggi di Malaysia selepas WP Putrajaya dan WP Kuala Lumpur.

"Perbelanjaan makanan merangkumi 18 peratus daripada keseluruhan perbelanjaan dan makan di luar pula merangkumi 13.4 peratus. Dengan bantuan Kiss, sedikit sebanyak ia dapat meringankan belanja dapur dan mengurangkan belanja makan di luar," katanya kepada Sinar Harian.

Ahmed Razman berkata, pendekatan pelaksanaan Kiss lebih baik daripada BR1M kerana kekerapan bantuan setiap bulan berbanding BR1M yang bersifat tahunan dan juga bantuan tidak bersifat

tunai tetapi lebih kepada barangan.

"Penggunaan kad Kiss yang membolehkan ibu-ibu mendapatkan bekalan dapur secara langsung dari kedai runcit yang terpilih membolehkan bantuan tersebut dapat diberi dengan lebih berkesan berbanding pemberian tunai secara langsung kerana boleh disalah guna untuk tujuan lain," katanya.

Pada masa yang sama, beliau berkata, Kiss boleh ditambah baik dengan memastikan lebih banyak kedai runcit mengambil bahagian dalam program berkenaan.

"Perlu juga ambil kira golongan yang hidup bersendirian tanpa bantuan daripada anak perempuan. Selain itu, ia juga boleh diperluas kepada golongan OKU yang tidak semestinya perempuan," katanya.